

## **PERANAN IBU BAPA DALAM MENCEGAH DAN MENANGANI FENOMENA ANAK JALANAN BERDASARKAN PERSPEKTIF ISLAM**

***Farah Hamizah Samsuddin<sup>1</sup> & Haziyah Hussin<sup>2</sup>***

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia  
farahhamizah18@gmail.com<sup>1</sup> & haziyah@ukm.edu.my<sup>2</sup>*

### **ABSTRACT**

*The phenomenon of street children is a social issue in society caused by weak family institutions. Family conflict is a driving factor in the existence of this group. Based on the community-based street child intervention model, parents play a significant role in preventing children from becoming street children. Islamic teachings also outline parents' role in protecting and fulfilling the children's rights in education, health, and protection. Therefore, this article aims to review the literature regarding family factors in the existence of street children and the role of parents based on Community-based Intervention Models to prevent and address the phenomenon from an Islamic perspective. This study uses a qualitative research with a document analysis design through systematic literature review approach. Data was collected from the Google Scholar and Researchgate databases from 2012 to 2021, and then it was analyzed descriptively based on themes. The study found that families with low economic and social status were the dominant factor in the existence of street children. Efforts to re-enhance the role of parents through community-based intervention models can prevent and address the phenomenon of street children. This model also coincides with the responsibilities of parents in the guidelines set out in the Islamic perspective. This study suggests that cooperation between certain parties be established to apply the community-based intervention model as one of the measures to prevent the phenomenon of street children in Malaysia and restore the norms of family life as outlined in Islam.*

*Keywords: street children; children; family conflict; intervention; community-based model*

### **ABSTRAK**

Fenomena anak jalanan merupakan isu sosial yang berlaku dalam masyarakat akibat daripada institusi keluarga yang lemah. Konflik keluarga menjadi faktor pendorong dan penyebab utama kepada kewujudan golongan ini. Hal ini sejajar dengan ajaran Islam yang menggariskan peranan ibu bapa dalam melindungi dan memenuhi hak anak-anak dari aspek pendidikan, kesihatan dan perlindungan. Oleh itu, artikel ini bertujuan menyoroti literatur berkenaan faktor keluarga terhadap kewujudan anak jalanan serta peranan ibu bapa berdasarkan model intervensi *community-based* bagi mencegah dan menangani fenomena tersebut dari perspektif Islam. Berdasarkan Model Intervensi Anak Jalanan Berasaskan Komuniti, ibu bapa berperanan penting dalam mencegah anak-anak dari menjadi anak jalanan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan melalui kaedah tinjauan literatur sistematik. Data dikumpulkan daripada pangkalan data *Google Scholar* dan *Researchgate* dari tahun 2012 hingga 2021, seterusnya ia dianalisis secara deskriptif bertema. Hasil kajian mendapati keluarga yang mempunyai tahap ekonomi dan sosial yang rendah menjadi faktor yang dominan dalam kewujudan anak jalanan. Usaha meningkatkan kembali peranan ibu bapa melalui model intervensi *community-based* boleh mencegah dan menangani fenomena anak jalanan. Model ini turut bertepatan dengan tanggungjawab ibu bapa dalam garis panduan yang ditetapkan dalam perspektif Islam. Kajian ini mencadangkan kerjasama antara pihak-pihak tertentu diwujudkan bagi mengaplikasi model intervensi *community-based* sebagai salah satu langkah untuk mencegah dan

menangani fenomena anak jalanan di Malaysia. Langkah ini dapat mengembalikan norma kehidupan berkeluarga sebagaimana yang digariskan di dalam agama Islam.

Kata Kunci: anak jalanan; kanak-kanak; konflik keluarga; intervensi; model berasaskan komuniti

## PENGENALAN

Menerusi Konvensyen dan Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak ditakrifkan sebagai seseorang yang berusia bawah 18 tahun. Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2008). Namun, terdapat satu golongan kanak-kanak mengalami keciciran hak yang sepatutnya, akibat daripada kehidupan jalanan yang terpaksa dilalui. Anak jalanan merupakan kanak-kanak yang menghabiskan kebanyakan masa di jalanan untuk bekerja, bermain dan lain-lain aktiviti di atas jalanan. Selain itu, golongan ini turut terdiri dari anak-anak yang tiada dokumen, tiada kewarganegaraan, anak migran dan anak gelandangan yang berada di jalanan disebabkan oleh pelbagai faktor (UNICEF 2009). Kewujudan anak jalanan yang semakin meruncing menjadi kebimbangan dalam kalangan banyak negara membangun.

Anak jalanan termasuk dalam golongan yang terpinggir di Malaysia. *United Nations Children's Fund* (UNICEF 2009) membahagikan anak jalanan kepada tiga kategori iaitu *children on the street*, *children of the street* dan *children in the street*. Bagi kategori pertama iaitu *children on the street*, kanak-kanak menjalankan kegiatan ekonomi di jalanan bagi membantu keluarga dan pulang ke rumah setiap hari setelah selesai bekerja. Kategori kedua iaitu *children of the street* merujuk kepada kanak-kanak yang menghabiskan kebanyakan masanya di jalanan dan tidak mempunyai keluarga atau memutuskan hubungan dengan keluarga kerana pelbagai faktor. Kategori ketiga iaitu *children in the street* pula merujuk kepada kanak-kanak yang menghabiskan keseluruhan waktunya di jalanan dan berasal dari keluarga yang turut tinggal di jalanan. Kumpulan ketiga juga dikenali dengan anak gelandangan (Rifanto 2013). Ketiga-tiga kategori anak jalanan ini mempunyai persamaan ia itu banyak menghabiskan kebanyakan masa di jalanan namun berbeza dari sudut hubungan kekeluargaan, pemilikan tempat tinggal dan tujuan dalam menjalankan kegiatan ekonomi.

Kehidupan di jalanan menyebabkan anak-anak keciciran hak dan keperluan yang sepatutnya. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menangani permasalahan golongan ini. Menurut Lusk dalam Rivanlee & Hery (2015), terdapat tiga model pendekatan dalam menangani permasalahan anak jalanan iaitu *street-based*, *centre-based* dan *community-based*. Melalui model pendekatan pertama iaitu *street-based*, langkah dalam menangani anak jalanan dilaksanakan di jalanan dengan mendampingi golongan ini serta memberikan sokongan moral dan keperluan yang bersesuaian. Model pendekatan kedua iaitu *centre-based* dilaksanakan di institusi yang menempatkan golongan ini. Program intervensi yang lebih sistematik dilaksanakan bagi memenuhi keperluan dan hak yang sepatutnya diterima oleh anak jalanan seperti perlindungan, pendidikan dan kesihatan. Model pendekatan ketiga iaitu *community-based* pula dilaksanakan ke atas keluarga anak jalanan dengan memberikan sokongan terutama dalam meningkatkan ekonomi bagi meningkatkan kemampuan keluarga untuk melindungi, mendidik dan memenuhi keperluan anak-anak. Ketiga-tiga model ini memberi fokus dari sudut yang berbeza dalam menangani kewujudan anak jalanan namun model pendekatan ketiga iaitu *community-based* mampu mencegah

kewujudan anak jalanan jika ibu bapa berusaha keras dalam melindungi, mendidik dan memenuhi keperluan anak-anak.


Fenomena anak jalanan di Malaysia banyak didapati di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur (Child Right Coalition Malaysia 2012). Chow Kit merupakan sebuah kawasan yang sinonim dengan kawasan yang sesak, banyak kes jenayah, aktiviti seksual, dan sarang penagihan dadah. Kanak-kanak dari golongan anak jalanan terpaksa berada di jalanan terpaksa berada di jalanan bagi tempoh yang panjang bagi menampung keperluan diri dan membantu keluarga. Keberadaan kanak-kanak ini di jalanan menyebabkan mereka terdedah kepada gejala sosial yang pelbagai. Bagi mengatasi permasalahan golongan ini, pihak pemerintah dan badan bukan kerajaan atau *non-government organization* (NGO) sentiasa berganding bahu dalam menangani isu anak jalanan. Antaranya seperti bantuan makanan dan pakaian terpakai oleh Dapur Jalanan Kuala Lumpur dan Yayasan Chow Kit. Usaha ini merupakan salah satu strategi berbentuk *street-based* kepada golongan ini. Namun, usaha-usaha tersebut lebih cenderung kepada anak jalanan secara individu yang bersifat *one-off* dan merupakan usaha jangka pendek untuk melindungi golongan ini.

Isu anak jalanan ini perlu penelitian mendalam agar golongan ini mendapat hak yang sepatutnya. Berdasarkan kajian lepas oleh *Consortium for Street Children* (2013), kemiskinan keluarga merupakan faktor yang dominan dalam kewujudan anak jalanan. Tahap ekonomi keluarga yang rendah menyebabkan mereka hidup dalam belunggu dan kitaran kemiskinan. Selain dari ibu bapa yang tidak berupaya bersaing dalam hal ehwal ekonomi, konflik keluarga turut menyebabkan kewujudan golongan ini. Pengabaian oleh keluarga mendorong kanak-kanak turun ke jalanan untuk menjana pendapatan sendiri pada usia yang masih kecil (Taha et. al 2015). Oleh itu, artikel ini bertujuan mengkaji literatur berkenaan faktor keluarga di sebalik kewujudan anak jalanan. Ia turut meneliti peranan ibu bapa menerusi model intervensi *community-based* dalam mencegah dan menangani fenomena tersebut dari perspektif Islam.

## **METODE KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik yang bertujuan untuk menangani permasalahan dengan mengenal pasti, menilai secara kritis dan mengintegrasikan penemuan semula kajian (Chris Cooper et al. 2018). Kaedah ini digunakan bagi mengumpulkan keseluruhan kajian berkaitan anak jalanan dari tahun demi tahun untuk dinilai secara sistematik. Ia mengaplikasi carian yang tersusun untuk mengenal pasti faktor keluarga yang menyebabkan kewujudan anak jalanan dan peranan ibu bapa dalam model pendekatan *community-based* berdasarkan perspektif Islam. Tinjauan literatur berkaitan fenomena anak jalanan dikaji dari tahun 2012 hingga 2021. Namun, kajian yang dijumpai banyak tertumpu kepada fenomena anak jalanan di Indonesia. Pada tahun 2016, usul mengenai kategori anak jalanan dan tindakan pemerintah di dalam menangani isu tersebut telah dibincangkan di Dewan Negara Malaysia. Sejak itu, kajian mengenai tema anak jalanan di Malaysia mula menjadi topik dalam perbincangan.

Persoalan kajian ini dikumpulkan melalui dua pecahan tema iaitu pertama ialah kajian-kajian berkaitan faktor keluarga dalam fenomena anak jalanan; dan kedua merupakan kajian-kajian berkenaan peranan ibu bapa sebagai langkah intervensi kepada golongan anak jalanan berdasarkan perspektif Islam. Justeru, kajian-kajian selain tema tersebut terkeluar daripada sistem literatur sistematik.



Rajah 1 menunjukkan kaedah tinjauan literatur sistematik bagi mengenal pasti kajian yang relevan dengan tema dalam persoalan kajian. Prinsip matrik sorotan sistematik literatur telah diaplikasi bagi melihat dengan jelas fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Chris Cooper et al. 2018). Melalui kajian ini, kata kunci ‘faktor keluarga dan anak jalanan’ digunakan bagi mendapatkan data kajian dari pangkalan data *Google Scholar* dan *Researchgate*. Dengan menggunakan akses kata kunci tersebut, 36 jumlah carian dokumen yang berkaitan dengan kajian ditemui namun hanya 14 kajian yang disaring didapati relevan dengan tema dan persoalan kajian ini.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menganalisis 14 dokumen yang telah dikenal pasti sebagai indikator penting yang menepati tema dan persoalan kajian iaitu faktor keluarga dalam fenomena anak jalanan.

Jadual 1: Tinjauan Literatur Sistematik Berkaitan Faktor Keluarga dalam Fenomena Anak Jalanan

Bil	Nama Pengkaji	Tajuk Kajian	Subtema	Metode	Dapatan Kajian
1.	Ninik Yuniarti (2012)	Eksplotasi Anak Jalanan Sebagai Pengamen dan Pengemis di Terminal Tidar Oleh Keluarga	Eksplotasi oleh keluarga	Kualitatif	Eksplotasi anak jalanan sebagai penyanyi jalanan dan pengemis disebabkan oleh faktor kemiskinan, budaya dan kejahilan ibu bapa mengenai perkembangan anak. Hal ini menyebabkan perkembangan mental, fizikal dan sosial terjejas. Anak jalanan juga tidak mendapat perhatian dan kasih sayang dari keluarga. Bagi meningkatkan kesejahteraan anak jalanan, pemerintah dan masyarakat berperanan penting dalam melakukan pembinaan, pengawasan dan bimbingan yang lebih intensif bagi membantu anak jalanan keluar dari kemelut hidup yang dialami.

- |    |  |  |                          |                            |  |
|----|--|--|--------------------------|----------------------------|--|
| 2. | Sari Famurlasih & Arif Billah (2014)   | Pola Pembinaan Keagamaan Anak Jalanan Dalam Membentuk Kepribadian  | Konflik keluarga         | Kualitatif                 | Anak jalanan yang mengalami konflik keluarga, tidak bahagia, kekerasan dan tiada galakan agama oleh ibu bapa mengalami kecenderungan untuk tidak boleh mengawal diri. Pembentukan sikap yang menepati ciri keagamaan dibentuk melalui didikan ibu bapa yang kemudiannya disempurnakan dalam pendidikan.  |
| 3. | Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd (2015) | Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-anak Jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur | Pengabaian keluarga      | Kualitatif                 | Anak jalanan lebih banyak menghabiskan masa di luar rumah kerana ibu bapa yang sibuk bekerja dan tidak ambil peduli tentang diri anak-anak. Selain itu, keadaan rumah yang dhaif dan miskin menyebabkan anak-anak tidak seronok berada di rumah sendiri. Persekitaran keluarga seperti ini menyebabkan pendidikan anak-anak terabai selain mereka turut menghadapi penurunan motivasi tanpa sokongan keluarga.   |
| 4. | Muhammad Husni (2017)                  | Konseling Sebaya Dalam Memberdayakan Anak Jalanan Berbasis Masjid.                                       | Pengabaian oleh keluarga | Kualitatif dan kuantitatif | Faktor utama kewujudan anak jalanan ialah kemiskinan. Akibat dari permasalahan tersebut, hak anak seperti pendidikan, kesihatan, perlindungan dan kasih sayang menjadi terbatas. Melalui kajian ini, kaedah intervensi anak jalanan dilaksanakan melalui kaedah model berasaskan komuniti yang menitik beratkan peranan keluarga dan masyarakat. Menerusi model ini, ibu bapa diberikan kaunseling dan latihan dalam meningkatkan ekonomi keluarga. Kaedah kedua ialah melalui model berasaskan jalanan. Menerusi model ini pula, anak-anak diberikan kaunseling dan pendidikan asas sebagai suntikan motivasi dan galakan mereka untuk terus belajar. |

- |    |  |  |   |                                  |   |
|----|--|--|---|----------------------------------|---|
| 5. | Mujahidil<br>Mustaqim<br>(2017)                              | Street Children, Poor<br>Touh Education &<br>Putting Attention                               | Konflik<br>keluarga                               | Kualitatif<br>dan<br>kuantitatif | Konflik keluarga<br>mengakibatkan anak-anak<br>terpaksa berada di jalanan bagi<br>menjana pendapatan dan hidup<br>bebas. Melalui kajian ini,<br>kaedah intervensi berasaskan<br>institusi dilaksanakan dengan<br>memberikan pendidikan yang<br>disesuaikan dengan tahap<br>mereka. Tujuan pendidikan ini<br>ialah bagi melahirkan anak yang<br>mempunyai kematangan dalam<br>psikologi, biologi, sosiologi,<br>pedagogi dan kesedaran<br>beragama agar mereka boleh<br>membina diri mereka untuk<br>keluar dari kitaran kehidupan<br>yang pernah dilalui.   |
| 6. | Suryanto, Ike<br>Herdiana &<br>Achman<br>Chusairi (2017)     | Deteksi Dini Masalah<br>Psikologis Anak<br>Jalanan pada<br>Orangtua Asuh di<br>Rumah Singgah | Hubungan<br>dan<br>interaksi<br>dalam<br>keluarga | Kualitatif                       | Anak jalanan cenderung untuk<br>mengalami tekanan dari aspek<br>perilaku, psikologi dan emosi.<br>Antara faktor penyebab kepada<br>keadaan tersebut ialah kurang<br>kasih sayang ibu bapa, keluarga<br>yang tidak harmoni dan<br>kemiskinan. Anak-anak yang<br>menunjukkan perilaku yang<br>kasar merupakan anak-anak<br>yang kurang ditanamkan<br>perasaan selamat dalam<br>hubungan dan interaksi dengan<br>keluarga. Masa yang berkualiti<br>bersama keluarga boleh<br>membina hubungan dan<br>interaksi dengan keluarga dan<br>boleh mengurangkan tekanan<br>dari aspek perilaku, psikologi<br>dan emosi. |
| 7. | Puji Mentari &<br>Novy Helena<br>Catharina<br>Daulima (2017) | Hubungan Pola Asuh<br>Orangtua dan Harga<br>Diri Anak Jalanan<br>Usia Remaja                 | Hubungan<br>dan<br>interaksi<br>dalam<br>keluarga | Kuantitatif                      | Kehidupan jalanan yang sukar,<br>kurang perhatian dari ibu bapa,<br>keperluan untuk berdikari,<br>persekitaran yang kurang<br>konduktiviti serta pendidikan yang<br>rendah mendorong kepada<br>konsep diri negatif pada diri<br>anak jalanan. Ibu bapa yang<br>mementingkan kesempurnaan,<br>suka mengkritik, terlalu<br>mengawal dan mengabaikan<br>boleh menurunkan keyakinan<br>dalam diri anak jalanan.   |

- |     |   |  |                                |                                  |   |
|-----|---|--|--------------------------------|----------------------------------|---|
| 8.  | Aristiana P<br>Rahayu (2017)                      | Perilaku Anti Sosial<br>Anak Jalanan Usia<br>Dini di Kota<br>Surabaya  | Konflik<br>keluarga            | Kualitatif                       | Perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh sikap ibu bapa dan persekitaran mereka dibesarkan. Sikap anti sosial terbentuk pada awal usia kanak-kanak akibat didikan yang tidak sempurna oleh ibu bapa atau penjaga, keluarga yang tidak harmoni, sikap ibu bapa yang tidak sabar dan kurang memberikan perhatian. Pertumbuhan kanak-kanak meliputi aspek-aspek seperti perkembangan sosioemosi dan perilaku.   |
| 9.  | Budi Hasanah &<br>Lina Diniarizky<br>Putri (2018) | Efektivitas Program<br>Penanggulangan Anak<br>Jalanan Berbasis<br>Community<br>Development di Kota<br>Serang | Kemiskinan<br>keluarga         | Kualitatif                       | Intervensi dalam menangani krisis anak jalanan perlu dirangka agar saling melengkapi terutama dalam membangunkan psikologi, sosial, spiritual dan diri mereka. Melalui model intervensi anak jalanan berasaskan komuniti, antara langkah yang dilaksanakan ialah mewujudkan kumpulan sokongan, memperkasakan peranan keluarga dan menawarkan program pekerjaan yang bersesuaian kepada ibu bapa. Tujuan program seperti ini ialah bagi melindungi, memenuhi dan menghormati hak kanak-kanak tersebut. |
| 10. | Firman<br>(2018)                                  | Firman<br>Pembinaan Anak<br>Jalanan Melalui<br>Rumah Singgah di<br>Sumatera Barat                            | Pengabaian<br>oleh<br>keluarga | Kualitatif<br>dan<br>kuantitatif | Keluarga merupakan pembentuk sikap anak-anak. Terdapat anak jalanan yang kehilangan ibu dan disisihkan oleh bapa. Akibatnya, anak ini kehilangan kasih dari orang tua dan mula mengeksplorasi kebebasan hidup di jalanan. Pembentukan sikap yang sepatutnya dimulakan oleh ibu bapa di rumah menjadi terbatas. Anak jalanan terpengaruh dengan persekitaran jalanan yang negatif seperti sikap yang bertentangan dengan norma masyarakat, jenayah dan   |

seksual. Melalui kajian ini, kaedah intervensi berasaskan institusi dilaksanakan dengan memberikan pendidikan berorientasi pengetahuan, menjana pendapatan dan keagamaan yang berpusatkan di rumah singgah.

- |     |  |  |                          |             |  |
|-----|--|--|--------------------------|-------------|--|
| 11. | Amalia Rihadatul ‘Aisy, Deny Yudi Fitrianti, Rachma Purwanti, Dewi Marfu’ah Kurniawati & Hartanti Sandi Wijayanti (2019) | Faktor-faktor yang Berhubungan Dengan Keragaman Pangan Pada Anak Jalanan di Kota Semarang        | Kemiskinan keluarga      | Kuantitatif | Pendapatan keluarga berada pada tahap yang rendah sehingga memaksa anak-anak menjalankan aktiviti ekonomi di jalanan. Keberadaan anak-anak tanpa pengawasan ibu bapa di jalanan menyebabkan kualiti dan kuantiti nutrisi makanan yang diambil oleh mereka berada pada tahap yang rendah.   |
| 12. | Puji Sucia Sukmaningrum & Siti Inayatul Faizah (2019)  | Strategi Penguatan Ekonomi Orang Tua Pada Keluarga Anak Jalanan di Surabaya                      | Kemiskinan keluarga      | Kualitatif  | Tahap pendidikan ibu bapa yang rendah menyebabkan ekonomi keluarga menjadi terbatas. Hal ini turut menyebabkan anak-anak keciciran dalam pendidikan dan memiliki tahap motivasi yang rendah untuk belajar. Intervensi bukan hanya dilaksanakan kepada anak jalanan, malah dilaksanakan ke atas keluarga dengan memberikan sokongan motivasi dan bantuan berbentuk barang keperluan asas dan modal bagi memperbaiki ekonomi keluarga. |
| 13. | Hari Harjanto Setiawan (2019)  | Mencegah Menjadi Anak Jalanan dan Mengembalikannya Kepada Keluarga Melalui Model Community Based | Pengabaian oleh keluarga | Kualitatif  | Pengabaian berlaku disebabkan oleh ibu bapa yang tidak bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai ibu bapa dari aspek fizikal dan mental. Selain itu, tahap ekonomi keluarga yang rendah turut menyebabkan anak-anak berisiko tinggi untuk menjadi anak jalanan. Intervensi dengan aplikasi model penanganan berasaskan komuniti dengan menitik beratkan kepada fungsi-fungsi keluarga seperti                                     |



meningkatkan pendapatan keluarga serta sokongan kaunseling dan kekeluargaan.

14.	Chatarina Suryaningsih & Muhammad Fadli Nur (2020)	Pengalaman Hidup Anak Jalanan Usia Remaja	Konflik keluarga	Kualitatif	Pengabaian anak-anak seperti tidak diberi perhatian dan kasih sayang oleh keluarga menyebabkan anak keluar ke jalanan. Terdapat juga anak jalanan yang kehilangan ibu bapa mahupun ibu bapa yang sudah berpisah. Kehidupan anak ini dipengaruhi oleh persekitaran yang dilalui di jalanan. Selain itu, terdapat ibu bapa yang tidak dapat bersaing dalam kegiatan ekonomi lalu menyebabkan keperluan anak-anak tidak dapat dipenuhi. Hal ini menyebabkan anak-anak dibenarkan untuk berada di jalanan untuk mendapatkan keperluan tersebut secara sendiri tanpa pengawasan dari ibu dan bapa.
-----	--	---	------------------	------------	---

Sumber: Pangkalan data *Google Scholar* dan *Researchgate* 2012-2020

Berdasarkan Jadual 1, kajian mendapati institusi keluarga merupakan faktor utama yang mencetuskan kewujudan anak jalanan. Terdapat lima subtema yang dibina merujuk kepada persoalan kajian ini. Subtema tersebut diklasifikasikan kepada dua aspek iaitu ekonomi dan sosial. Senarai aspek dan subtema tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 2: Aspek dan Subtema Faktor Keluarga Dalam Fenomena Anak Jalanan

Bil.	Aspek	Subtema
1.	Ekonomi	Kemiskinan Eksplotasi oleh keluarga
2.	Sosial	Konflik keluarga Pengabaian oleh keluarga Hubungan dan interaksi dalam keluarga

Sumber: Jadual 1 Analisis Literatur berdasarkan data *Google Scholar* dan *Researchgate* 2012-2020

Dalam aspek ekonomi, kemiskinan merupakan penyumbang terbesar kewujudan anak jalanan. Urbanisasi yang berlaku di bandar-bandar besar menyebabkan sebahagian keluarga yang berpendapatan rendah tidak mampu berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi. Menurut *National Coalition for the Homeless* (2007), akibat dari kegagalan menyediakan wang yang cukup untuk membayar sewa rumah atau bilik, terdapat keluarga yang terpaksa tinggal di jalanan serta kaki lima dan akhirnya memberi kesan kepada peningkatan bilangan anak jalanan dalam kategori *children in the street*. Hal ini turut menyebabkan anak-anak tidak memperoleh keperluan asas yang

mencukupi seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Oleh yang demikian, hak kanak-kanak seperti pendidikan, perlindungan dan kesihatan juga terabai. Kitaran kemiskinan seperti ini memberi impak besar kepada proses perkembangan kanak-kanak dan boleh menyebabkan kehidupan yang lebih melarat jika tidak dibendung menerusi langkah-langkah yang proaktif.

Terdapat juga ibu bapa yang mengeksploitasi anak-anak bagi menjana pendapatan. Dalam konteks perundangan, eksploitasi menjurus kepada penggunaan kanak-kanak untuk tujuan mendapatkan faedah seperti kewangan, seksual, politik dan lain-lain tanpa mengambil kira kesejahteraan fizikal, psikologi serta kelangsungan hidup kanak-kanak terbabit (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016). Berdasarkan kajian ke atas fenomena anak jalanan, kebanyakannya bekerja sebagai penjual ikan, buah, sayur, rokok, surat khabar, nombor ekor, mengambil upah mengangkat barang dan mengemis (Fathanah et. al 2017). Jenis-jenis pekerjaan ini tidak memerlukan modal dan kemahiran yang tinggi serta boleh dilakukan oleh kanak-kanak walaupun berusia di bawah umur. Namun, tindakan seseorang yang membenarkan kanak-kanak berada di jalanan dengan tujuan mengemis, menerima sedekah atau menjalankan penjaan merupakan suatu kesalahan dari sudut perundangan (Seksyen 17 Akta 611). Tindakan ini turut termasuk dalam aktiviti yang mengeksploitasi kanak-kanak (Sarirah et al. 2004).

Aspek sosial pula menunjukkan bahawa faktor kewujudan anak jalanan adalah disebabkan oleh konflik keluarga. Terdapat dalam kalangan kanak-kanak ini menjadi mangsa kekerasan di rumah. Kekerasan boleh mengakibatkan kecederaan fizikal dan emosi kanak-kanak. Dalam konteks perundangan, penderaan kanak-kanak merupakan pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak. Kategori penderaan termasuklah kekerasan terhadap fizikal, emosi dan seksual (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016). Menerusi Akta Kanak-kanak 2001, penderaan fizikal merupakan kecederaan yang boleh dilihat di mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak disebabkan oleh kekerasan. Penderaan emosi pula merupakan kecederaan yang menyebabkan gangguan pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak seperti kecelaruan mental atau tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat. Penderaan seksual pula merupakan tindakan dalam aktiviti yang berunsurkan seksual yang dilakukan oleh individu dewasa untuk memuaskan nafsu mereka yang tidak terkawal (Nor Azura 2017). Kanak-kanak yang mengalami kekerasan di rumah lebih cenderung untuk meninggalkan rumah bagi menyelamatkan diri dan terpaksa tinggal di jalanan jika tiada arah tujuan (Sari & Ariff 2014).

Selain itu, kelemahan dalam institusi kekeluargaan juga menyebabkan pengabaian terhadap kanak-kanak. Sikap ibu bapa tidak ambil peduli terhadap perkembangan dan kesejahteraan anak-anak menjadi faktor penyebab kepada mereka untuk berada di jalanan (Taha et al. 2015). Anak-anak dibiarkan bebas melakukan aktiviti yang diingini saban hari tanpa pengawasan daripada ibu bapa. Secara tidak langsung, sikap ini telah menyebabkan pengabaian hak kanak-kanak dalam mendapatkan keperluan asas fizikal, emosi dan pembangunan dari segi kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, nutrisi, tempat perlindungan dan kehidupan selamat untuk diri mereka yang sepatutnya dipenuhi oleh ibu bapa atau penjaga (Jabatan Kebajikan Masyarakat). Kehidupan dan persekitaran di jalanan tanpa pengawasan ibu bapa atau individu yang lebih dewasa juga memberi kesan terhadap keselamatan diri dan pengaruh negatif kepada kanak-kanak.

Institusi keluarga goyah juga disebabkan oleh ibu bapa yang terjebak dengan jenayah seperti ketagihan dadah. Terdapat dalam kalangan ibu bapa yang mengalami ketagihan yang kronik dan akhirnya ditangkap akibat jenayah yang dilakukan. Hal ini menyebabkan kanak-kanak terpaksa menentukan haluan hidup sendiri tanpa sokongan daripada keluarga. Hal ini turut menjadi faktor

penyebab anak-anak berada di jalanan bagi meredakan tekanan yang dihadapi dan mendapatkan sokongan moral dari rakan jalanan yang senasib dengan mereka (Anuar & Norhaidawati 2016). Kanak-kanak ini turut berhadapan dengan risiko yang lebih tinggi untuk terlibat dalam gejala yang tidak sihat kerana faktor-faktor kehidupan yang dilalui. Antaranya ialah kelemahan dalam institusi keluarga, kemiskinan dan tiada sokongan daripada persekitaran. Berdasarkan kajian Mohd Nasir et. al (2015), ketiga-tiga faktor ini menentukan peribadi seseorang dan kegagalan dalam mengawalinya menyebabkan pertumbuhan nilai moral yang rendah.

Kajian ini mendapati bahawa institusi keluarga menjadi faktor yang dominan dalam kewujudan anak jalanan. Oleh yang demikian, usaha mencegah dan menangani fenomena anak jalanan wajar memberi tumpuan kepada usaha menguatkan institusi keluarga. Berdasarkan kepada tinjauan literatur sistematik dalam Jadual 1, tumpuan kepada lingkungan ini boleh diaplikasi melalui model intervensi *community-based*. Model ini bertujuan meningkatkan kemampuan ibu bapa supaya dapat melindungi, mendidik dan memenuhi keperluan anak-anak (Rivanlee & Hery 2015). Di dalam model ini, usaha pencegahan dan penanganan melibatkan peranan ibu bapa dan masyarakat. Mereka dibimbing bagi mengembalikan peranan ibu bapa terutama keupayaan dari aspek ekonomi dan sosial.

Menerusi aspek ekonomi, sokongan dalam menambah pendapatan keluarga dengan memberikan latihan kemahiran dalam pekerjaan boleh diaplikasikan. Peningkatan kemahiran disesuaikan dengan minat dan kecenderungan seperti latihan pekerjaan yang sistematik dalam bidang pertanian, pertukangan, jahitan dan lain-lain. Sokongan ini diharapkan dapat membantu bapa mengurus ekonomi keluarga dengan lebih baik dan memberi nafkah yang merupakan hak kepada isteri dan anak-anak yang dimiliki. Hal ini bertepatan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah 2: 233, maksudnya:

*“... dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya ...”*

Dalil di atas menunjukkan kewajiban bagi seorang bapa memberi nafkah kepada tanggungannya seperti isteri, anak, hamba dan ibu bapa yang fakir. Kadar nafkah wajar diberi dengan *kifayah* dan *ma'ruf* berdasarkan kemampuan suami atau bapa untuk memberikannya. Nafkah berbentuk makanan, pakaian, tempat tinggal merupakan keperluan yang wajib diberikan kepada sesiapa yang berada di bawah tanggungannya dengan mencukupi dan tidak berlebihan (Ibn Kathir 1981). Hal ini menunjukkan peranan seorang bapa dalam menjalankan tanggungjawab kepada tanggungannya dengan amanah. Oleh yang demikian, peranan bapa wajar diperkasakan dengan memberi sokongan ke atas kemahiran yang dimiliki agar pendapatan keluarga tersebut dapat ditingkatkan.

Selain mengembalikan peranan ibu bapa, model intervensi *community-based* dalam mencegah dan menangani fenomena anak jalanan turut menekankan penglibatan masyarakat. Setiap ahli masyarakat disarankan supaya membantu kelompok anak jalanan dan keluarganya terutama dari aspek memberi sokongan ekonomi dan sosial. Kelebihan yang terdapat pada diri wajar dikongsi bersama yang memerlukan. Hal ini disebutkan di dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas 28:77, maksudnya:

*“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada*

*hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerusakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerusakan.”*

Dalil di atas mengingatkan bahawa masyarakat yang mempunyai kelebihan dari sudut harta agar mentaati perintah Allah SWT dan menginfakkan harta mereka ke jalan kebaikan. Dasar yang digariskan menerusi al-Quran ini menunjukkan keseimbangan dalam mencari kehidupan akhirat dan dunia. Selain itu, keseimbangan ini turut melengkapkan hak antara manusia terhadap Allah, diri sendiri dan orang lain (Ibn Kathir 1981). Kelebihan dan nikmat yang dianugerahkan Allah SWT ini wajar dikongsi dengan ahli keluarga atau masyarakat yang kurang berkemampuan agar ekonomi keluarga mereka dapat ditingkatkan. Secara tidak langsung, sokongan sosial dalam kehidupan bermasyarakat juga dapat disalurkan kepada mereka.

## KESIMPULAN

Kajian literatur ke atas golongan anak jalanan di Malaysia masih terhad dan data mengenai golongan ini adalah sedikit. Keterbatasan data boleh menjadi kekangan kepada pihak-pihak yang ingin membantu golongan ini justeru kajian-kajian yang berkaitan anak jalanan wajar diperkasakan. Dalam menangani fenomena anak jalanan, faktor konflik keluarga seperti kemiskinan, eksploitasi dan pengabaian kanak-kanak yang menyebabkan kewujudan anak jalanan perlu ditangani dengan langkah-langkah yang holistik. Model intervensi melalui *community-based* yang menumpukan kepada peranan ibu bapa boleh dijadikan sebagai panduan dalam mengorak langkah dalam menangani fenomena ini. Menerusi model ini, peranan ibu bapa dapat pembinaan keluarga yang harmoni dapat ditingkatkan Tanggungjawab ibu bapa dalam memenuhi hak anak-anak dari sudut keperluan material dan spiritual boleh mencegah mereka dari menjadi anak jalanan. Dalam masa yang sama, model intervensi melalui *street-based* dan *centre-based* boleh digabung jalin bagi mendapatkan hasil yang lebih berkesan. Aplikasi model ini boleh dijadikan sebagai tunjang dan panduan kepada pihak berkaitan yang menjalankan kerja sosial ke atas anak jalanan bagi mempertingkatkan perlindungan hak asasi ke atas golongan ini.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abdullah bin Muhammad. 2004. *Tahqiq Lubab Tafsir Ibnu Kathir*. Jil.1. Indonesia: Pustaka Imam as-Syafii.
- Amalia Rihadatul 'Aisy, Deny Yudi Fitranti, Rachma Purwanti, Dewi Marfu'ah Kurniawati & Hartanti Sandi Wijayanti. 2019. *Faktor-faktor yang Berhubungan dengan Keragaman Pangan Pada Anak Jalanan di Kota Semarang*. Journal of Nutrition College, 8(4), 254-263. doi: 10.14710/jnc.v8i4.25839.
- Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd. 2015. *Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-anak Jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur*. doi: 10.13140/RG.2.2.15130.75202.
- Aristiana P Rahayu. 2017. *Perilaku Anti Sosial Anak Jalanan Usia Dini di Kota Surabaya*. Jurnal Anak Usia Dini dan Pendidikan Anak Usia Dini, 3: 261-272.
- Budi Hasanah & Liza Diniarizky Putri. 2018. *Efektivitas Program Penanggulangan Anak Jalanan Berbasis Community Development di Kota Serang*. Jurnal Ilmu Administrasi, 7(2): 81-93.

- Chatarina Suryaningsih & Muhammad Fadli Nur. 2020. *Pengalaman Hidup Anak Jalanan Usia Remaja*. Jurnal Keperawatan Silampari, 4(1): 31-39. doi: <https://doi.org/10.31539/jks.v4i1.1329>.
- Children Rights Coalition Malaysia. 2012. Status Report On Children's Right In Malaysia.
- Chris Cooper, Andrew Booth, Jo Varley-Campbell, Nicky Britten & Rith Garside. 2018. *Defining the process to literature searching in systematic reviews: a literature review of guidance and supporting studies*. BMC Medical Research Methodology, 18(1):1-14.
- Firman Firman. 2018. *Pembinaan Anak Jalanan Melalui Rumah Singgah di Sumatera*.
- Hari Harjano Setiawan. 2019. *Mencegah Menjadi Anak Jalanan dan Mengembalikannya Kepada Keluarga Melalui Model Community Based*.
- Ibn Kathir. 1981. *Ringkasan Tafsir Ibnu Kathir*. Tahqiq: Mohd Ali Assabuni. jil.1. Beirut. Darul alQuran al-Karim.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2016. *Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara*. doi: <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TIFwUVczN0RLQ3VIRDFqRTFmVENuZz09>.
- Muhammad Husni. 2017. *Konseling Sebaya Dalam Memberdayakan Anak Jalanan Berbasis Masjid (Inkorporasi Perpektif Anak Jalanan Berbasis Komunitas Melalui Pendekatan Participatory Action Research)*. Jurnal Penelitian Agama dan Masyarakat, 1(2), 237-256. doi: 10.14421/panangkaran.2017.0102-03.
- M. Mustaqim. 2017. *Street Children, Poor Touch Education & Putting Attention*. TARBIYA: Journal of Education in Muslim Society, 4(2), 200-215. doi:10.15408/tjems.v4i2.7232.
- Ninik Yuniarti. 2012. *Eksplorasi Anak Jalanan Sebagai Pengamen dan Pengemis di Terminal Tidar oleh Keluarga*. Komunitas, 4(2), 210-217. doi: 10.15294/komunitas.v4i2.2416
- Nor Azura Abd Majid. 2017. *Penderaan Seksual Kanak-kanak*. <http://www.myhealth.gov.my/penderaan-seksual-kanak-kanak/>
- Puji Mentari & Novy Helena Catharina Daulima. 2017. *Hubungan Pola Asuh Orangtua dan Harga Diri Anak Jalanan Usia Remaja*. Jurnal Keperawatan Indonesia, 20(3), 158-167. doi: 10.7454/jki.v20i3.630.
- Rivanlee Anandar & Hery Wibowo. 2015. *Model Pendekatan Centre Based Dalam Menangani Anak Jalanan Perempuan*. Social Work Jurnal, 5(2): 106-208. doi: 10.24198/share.v5i2.13139.
- Sari Farmularsih & Arif Billah. 2014. *Pola Pembinaan Keagamaan Anak Jalanan Dalam Membentuk Kepribadian*. Mudarrisa: Jurnal Kajian Pendidikan Islam, 6(1): 88-113.
- Suryanto, Ike Herdiana & Achmad Chusairi. 2017. *Deteksi Dini Masalah Psikologis Pada Anak Jalanan oleh Orangtua Asuh di Rumah Singgah*. Jurnal Psikologi dan Kesehatan Mental, 1(2), 85- 96. doi: 10.20473/jpkm.V1I22016.85-96.
- Taha Ayub, Dinesh Kumar & Tajali Nazir Shora. 2015. *Psychological, Demographic, Educational And Health Characteristics Of Street Children – A Qualitative Study*. International Journal of Medical Science and Public Health 5(8): 1-7.